



KENYATAAN MEDIA

PERKESO KOMITED BERI KERJASAMA KEPADA SPRM BANTERAS KES PEMALSUAN TUNTUTAN INSENTIF PENJANA KERJAYA

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) komited untuk terus memberikan sokongan dan kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menjalankan siasatan berhubung kes **tuntutan palsu Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya)** membabitkan pihak majikan dan penyedia latihan di seluruh negara melalui **Ops Hire**.

Ops Hire yang bermatlamat membanteras penyelewengan dana Kerajaan tersebut dilaksanakan secara bersepadu bermula Rabu lalu setelah SPRM dan PERKESO menjalankan pemantauan dan risikan terhadap penerima dana PenjanaKerjaya sejak bulan **Mei tahun lalu** dan mendapati ada antara majikan yang mengemukakan tuntutan palsu dan menyeleweng dana ini.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang diamanahkan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif Kerajaan semasa tempoh pandemik COVID-19, PERKESO memandang serius isu penyelewengan ini kerana bantuan kewangan Kerajaan bertujuan untuk meringankan beban pihak yang layak serta benar-benar memerlukan, mengikut syarat dan kaedah yang ditetapkan.

Dalam menangani isu ini, PERKESO telah mengambil tindakan proaktif dengan **menggantung** bayaran Program PenjanaKerjaya berjumlah **RM423 juta**. Tindakan penggantungan bayaran tersebut dibuat berdasarkan penganalisan data dan pemantauan berterusan oleh Bahagian Anti-Fraud, Etika & Integriti (AFEI), PERKESO. Pada masa yang sama, AFEI juga berkerjasama rapat dengan Bahagian Kewangan dan Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO untuk

memastikan setiap permohonan yang diterima dapat disemak sepenuhnya dengan teliti, sebelum bayaran dibuat kepada penerima insentif.

Sehingga kini, jumlah bayaran yang telah dibuat oleh PERKESO kepada para majikan dan pekerja di bawah Program PenjanaKerjaya adalah sebanyak **RM2.34 bilion**, membabitkan seramai **45,379** majikan bagi menempatkan **327,789** pencari kerja ke dalam pekerjaan.

Program PenjanaKerjaya merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan bertujuan untuk merangsang pewujudan pekerjaan oleh para majikan, sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan seterusnya, mengurangkan kadar pengangguran di negara ini. Program ini mula diperkenalkan buat pertama kalinya pada **15 Jun 2020** di bawah **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** dan kini, program ini masih diteruskan menerusi inisiatif **JaminKerja – Insentif Penggajian**.

PERKESO amat menekankan nilai integriti, kejujuran dan amanah dalam pengagihan bantuan kewangan Kerajaan kerana ia melibatkan dana awam. Sehubungan itu, PERKESO mengingatkan para majikan supaya jujur dan berintegriti dalam mengemukakan permohonan untuk apa-apa program bantuan Kerajaan termasuk PenjanaKerjaya yang dilaksanakan oleh agensi ini.

Mana-mana majikan yang telah menyalahgunakan dana Program PenjanaKerjaya ini atau mengemukakan permohonan tanpa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan adalah diminta untuk tampil dan membuat bayaran balik secara sukarela, atau berhubung dengan pihak PERKESO bagi menyelesaikan isu ini sebelum sebarang tindakan diambil.

YBHG. DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN DATO' AZIZ MOHAMMED

KETUA EKSEKUTIF

15 JULAI 2022
